BAB 4 ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

SUBTAJUK: 4.1 BRITISH MILITARY ADMINISTRATION (BAM) m/s 94 ,95

- BAM di Tanah Melayu bermula 12 September , setelah tentera Jepun menyerah kalah.
- BAM merupakan pentadbiran tentera yang diletakkan dibawah arahan Lord Moutbatten Mountbatten (Pemerintah Tertinggi Bersekutu) di Asia Tenggara (1943 – 1946)
- Perancangan bagi hal ehwal awam di Tanah Melayu dilakukan oleh Timbalan Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam, Brigedier Jeneral H.C William.
- **Tugas BAM** adalah untuk:-

A.MENGEMBALIKAN KESTABILAN DAN KEAMANAN

- BMA berusaha untuk memulihkan keamanan dan kestabilan dengan membubarkan pasukan MPAJA pada 1 Disember 1945.
- BMA mengarahkan semua senjata yang diberikan kepada mereka semasa pendudukan Jepun dahulu dikembalikan.

  NAMUN-
- BMA gagal mengumpul semula senjata tersebut.
- BMA juga gagal membanteras kegiatan jenayah keganasan, kongsi gelap dan masalah ketegangan kaum.

B.MEMULIHKAN KEPERCAYAAN RAKYAT

- Rakyat mengalami kesukaran hidup di bawah pemerintah Jepun.
- Bekalan makanan dan ubat-ubatan sukar di dapati. Sekirannya ada,bekalan tersebut,harganya pula melambung tinggi.
- Wabak penyakit semakin merebak, terutama penyakit beri-beri yang disebabkan oleh kekurangan zat makanan.
- Selain itu, kebuluran berlaku di kebanyakkan tempat.
- Rakyat tidak mempunyai wang untuk membeli makanan,manakala kegiatan menyorok barang, amalan rasuah dan perah ugut dan pasar gelap di Kuala Lumpur menjadi semakin tidak terkawal.
- Masalah ini berakar umbi sehingga gagal dibanteras oleh BMA.
- Rakyat yang hidup dalam penderitaan dan kesengsaraan akibat pemerintahan Jepun berharap dapat diselamatkan oleh pentadbiran BMA.
- Oleh itu, BMA telah mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu bagi mengembalikan kepercayaan rakyat supaya menyokong kepulangan British di negara ini.
- BMA juga berusaha untuk memulihkan kerosakan infrastruktur akibat bencana peperangan.

- British berharap pemulihan sosioekonomi akan memulihkan kepercayaan rakyat.
- BMA berusaha untuk memulihkan ladang getah, lombong bijih timah serta membaiki prasarana dan kemudahan kesihatan yang dimusnahkan oleh tentera Jepun.
- Namun begitu, BMA menghadapi kesukaran untuk membawa masuk jentera, alat ganti, mesin dan teknologi yang menyebabkan sosioekonomi sukar dipulihkan.
- Walaupun BAM berusaha untuk memulihkan kekacauan, rakyat hampa dengan ketidakupayaan BMA menangani masalah yang dihadapi mereka.
- Kegagalan pentadbiran British memberi kesedaran kepada kita supaya sentiasa bersikap waspada dan tidak mudah mempercayai kuasa asing.
- Hal ini jelas berlaku apabila BMA gagal melaksanakan tugasnnya ketika penduduk tempatan mengharapkan bantuan.

LIVEWORKSHEETS

SOALAN

1a.Siapakah Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di Asia Tenggara yang mentadbir BMA? 1m

_____

1b.Apakah **tugas** British Military Administration (BMA)? 2m

i_____

ii._____

1c.Bagaimanakah BMA mengembalikan kestabilan dan keamanan di Tanah Melayu? 2m

i._____

_____

ii._____

_____

1d.Apakah kegagalan BMA dalam mengembalikan kestabilan dan keamanan di Tanah Melayu?2m

i_____

ii._____

1f.Apakah kesukaran yang di alami oleh penduduk di Tanah Melayu semasa pemerintahan Jepun?2m

i._____

_____

ii._____

_____

1g.Apakah tindakan BMA dalam mengembalikan kepercayaan rakyat supaya menyokong British?2m

i_____

ii._____

1h. Apakah tindakan British dalam pemulihan sosioekonomi di Tanah Melayu?2m

i_____

ii._____

1g.Apakah yang dihadapi oleh BMA dalam memulihkan sosioekonomi di Tanah Melayu? 2m

i_____

ii._____

LIVEWORKSHEETS